



MAJLIS DAERAH SETIU

KENYATAAN TENDER

Terbuka kepada Syarikat Perunding Penilaian yang berpengalaman dan berkelayakan serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod Bidang 340403 (Penilaian Harta Hartanah) dan Lembaga Penilai, Petaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH) dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya dan Sijil Pematuhan Cukai berstatus 'PATUH' adalah dipelawa untuk perkhidmatan perunding berikut :

PERKHIDMATAN PERUNDING PELAKSANAAN KERJA-KERJA PENYEDIAAN SENARAI NILAIAN BAHARU PEGANGAN BERKADAR DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH SETIU

NO. TENDER	TAJUK TAWARAN DAN LOKASI	TAKLIMAT (DIWAJIBKAN)	TARIKH TUTUP TENDER	HARGA DOKUMEN
MDS.JPPH/01/2025	Perkhidmatan Perunding Pelaksanaan Kerja-Kerja Penyediaan Senarai Nilai Baru Pegangan Berkadar Dalam Kawasan Majlis Daerah Setiu Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	Tarikh : 30 September 2025 (Selasa) Masa : 9.30 Pagi Tempat : Auditorium Majlis Daerah Setiu, WISMA MDS Taklimat adalah diwajibkan kepada semua petender. Kontraktor yang menghadiri taklimat dikehendaki mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Hanya penama yang tercatat pada sijil tersebut sahaja dibenarkan daftar dan hadir taklimat.	Tarikh tutup : 23 Oktober 2025 (Khamis) Sebelum Jam 12.00 Tengahari (Dokumen Yang Lewat Diterima Tidak Akan Dipertimbangkan)	RM 100.00

Dokumen Tender akan dihantar secara emel berdaftar bermula pada 30 September 2025 (Selasa) selepas dibuat pengesahan dokumen dan bayaran.

- Kehadiran ke sesi taklimat tender adalah diwajibkan. Hanya dua (2) orang wakil dari setiap Syarikat Perunding Penilaian dibenarkan menghadiri taklimat dan sekurang-kurangnya satu (1) orang wakil tersebut adalah Penilai Berdaftar. Wakil juga hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa semasa menghadiri taklimat tersebut.
- Petender / wakil yang diberi kuasa diwajibkan membawa sijil-sijil asal dan mengemukakan sesalinan sijil-sijil yang berkaitan termasuklah Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (mengikut kod bidang), Sijil SSM, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus 'PATUH' dan Sijil LPPEH semasa pendaftaran taklimat. Sijil-sijil berkenaan mestilah sah laku tempohnya.
- Hanya petender yang menghadiri taklimat 'LAYAK' mendaftar bagi pembelian dokumen tender dan membuat bayaran pembelian akan menerima emel untuk muat turun dokumen tender. Bayaran secara atas talian menggunakan "Instant Transfer / Duit Now" ke Nombor Akaun Rasmi Milik Majlis Daerah Setiu 1100364146 (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad)

*Petender hendaklah memasukkan No.Tender dan No. Telefon di ruangan rujukan semasa membuat pembayaran .

- 4 Petender perlu membuat pendaftaran bagi penyertaan tender selepas menghadiri taklimat melalui pautan "Google Form" pada capaian berikut:

https://docs.google.com/forms/d/1__iVxRk-pMwXtsRPVTLqnoyJrsjLB7ldrhi4NnDNiF4

("LINK dan QR CODE" pendaftaran akan DIAKTIFKAN bermula pada 30/9/2025 (Selasa) jam 12.00 tengahari dan akan ditutup pada 19/10/2025 (Ahad) 12.00 tengahari



- 5 Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis bilangan No. Tender serta Tajuk Tender di bahagian atas sebelah kiri, dihantar tangan atau diposkan berdaftar sebelum pukul 12.00 tengahari pada 23.10.2025 dan dimasukkan ke dalam:

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'A' shape with a horizontal line extending to the right.

Yang Dipertua
Majlis Daerah Setiu

Peti Tender,
Jabatan Kejuruteraan, Wisma MDS
22100 Bandar Permaisuri, Setiu Terengganu

Tarikh : 23 September 2025